



## **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

### **SIARAN MEDIA**

#### **BEKAS PESAKIT COVID-19 SUMBANG 30 UNIT MESIN PERNAFASAN KEPADA YKN**

**PUTRAJAYA, 5 FEB** – Menyedari tentang kes COVID-19 yang saban hari meningkat dan keperluan mesin pernafasan bagi pesakit COVID-19, seorang bekas pesakit COVID-19 telah berbesar hati menyumbangkan sejumlah 30 unit mesin pernafasan Airvo 2 yang bernilai RM1 juta kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Sumbangan disampaikan oleh Encik Muhamad Ashraf DM Tej Nasir mewakili YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Azizan Osman, bekas pesakit COVID-19 yang juga Pengasas RichWorks International kepada YB Datuk Seri Rina Binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Bangunan KPWKM, Putrajaya hari ini. Hadir sama YBrs. Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, KPWKM dan YBrs. Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN.

Menurut Datuk Seri Rina, mesin pernafasan ini akan diedarkan ke hospital kerajaan yang terpilih. Antara hospital tersebut adalah Hospital Sungai Buloh yang merupakan tempat Dr. Azizan Osman menjalani rawatan COVID-19.

Sumbangan daripada bekas pesakit kepada YKN ini juga sekali gus dapat membantu pihak hospital dalam merawat pesakit COVID-19 yang sedang menjalani rawatan di hospital.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan.

**Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

<b>Nama Akaun</b>	<b>Yayasan Kebajikan Negara Malaysia</b>	
<b>Bank</b>	<b>Alliance Islamic Bank Berhad</b>	<b>Maybank Islamic Bank Berhad</b>
<b>Nombor Akaun</b>	<b>160140010004801</b>	<b>568621012284</b>

\*\*\*

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat**  
**Yayasan Kebajikan Negara**  
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
03-8323 2437/2420